



KEMENTERIAN KEWANGAN

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 7 TAHUN 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

PERATURAN DAN HAD NILAI PEROLEHAN KERJA-KERJA ELEKTRIK MENGUNAKAN JADUAL KADAR KERJA ELEKTRIK

Tujuan

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini bertujuan memaklumkan kepada semua Agensi Kerajaan mengenai peraturan dan had nilai perolehan kerja-kerja elektrik yang menggunakan Jadual Kadar Kerja Elektrik.

Latar Belakang

2. Arahan Perbendaharaan (AP) 179.2 telah menetapkan Jadual Kadar Kerja Elektrik boleh digunakan bagi melaksanakan kerja-kerja elektrik yang bernilai tidak melebihi RM20,000 secara pesanan kerja atau inden. Jadual Kadar tersebut juga hendaklah disemak sekurang-kurangnya dua (2) tahun sekali.

Perolehan Kerja-kerja Elektrik Menggunakan Jadual Kadar Kerja Elektrik

3. Kementerian Kewangan bersetuju untuk menaikkan had nilai perolehan kerja-kerja elektrik yang menggunakan Jadual Kadar Kerja Elektrik daripada RM20,000 kepada RM50,000. Sehubungan itu, tatacara perolehan kerja-kerja elektrik adalah ditetapkan seperti berikut:

- (i) Kerja-kerja elektrik bernilai tidak melebihi RM50,000 hendaklah dilaksanakan secara pesanan kerja atau inden sama ada undian atau pusingan di kalangan kontraktor elektrik yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) di bawah sub kepala yang berkaitan. Keutamaan adalah kepada kontraktor elektrik yang berdaftar di negeri berkenaan;

- (ii) Kontraktor kelas VI dibenarkan melaksanakan kerja-kerja elektrik secara undian atau pusingan yang melebihi had nilai kelayakannya (Sehingga RM20,000) bergantung kepada prestasi kerja; dan
- (iii) Semua kerja-kerja elektrik yang bernilai sehingga RM100,000 adalah dikhaskan kepada kontraktor Bumiputera sahaja.

Kuatkuasa dan Pindaan

4. Surat Pekeliling Perbendaharaan ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan. Dengan berkuatkuasanya SPP ini, AP 179.2 adalah dipinda seperti berikut:

“179.2 Ketua Jabatan Kejuruteraan sesuatu negeri, daerah atau kawasan boleh menyediakan Jadual Kadar Kerja Elektrik untuk diluluskan oleh Ketua Jabatan Persekutuan berkenaan dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri. Jadual kadar hendaklah disemak sekurang-kurangnya dua (2) tahun sekali. Jadual kadar yang telah diluluskan itu bolehlah digunakan untuk melaksanakan kerja-kerja elektrik bernilai tidak melebihi RM50,000 secara pesanan kerja atau inden”.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(Dato' Izzuddin bin Dali)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

30 Ogos 2005

s.k.

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara
Akauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri